

SOALAN NO: 87

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary
[Bachok]**

TARIKH : 2 Ogos 2017

**SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan: -**

isu-isu nelayan dan sawah padi yang
masih belum dapat diselesaikan oleh
Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara isu yang sering dibangkitkan melibatkan nelayan dan sektor perikanan adalah:

- (1) Kekurangan bekalan ikan secara bermusim terutamanya apabila berlaku perubahan cuaca dan musim tengkujuh;
- (2) Pencerobohan vesel asing serta keselamatan nelayan di zon timur Sabah; dan
- (3) Tambakan kawasan penangkapan ikan disebabkan oleh pembangunan setempat.

Manakala antara isu yang sering dibangkitkan melibatkan pesawah dan industri padi beras adalah:

- (1) Serangan penyakit hawar daun bakteria (BLB) kepada tanaman padi;
- (2) Isu pemutuan padi yang berkaitan dengan pematuhan kepada amalan pertanian baik (GAP) dan panduan *Rice Check*; dan
- (3) Usaha dalam membantu mengurangkan kerugian hasil padi akibat perubahan cuaca dan bencana.

Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya sentiasa berusaha untuk memastikan langkah-langkah penambahbaikan terus diambil bagi mengurangkan kesan terhadap isu-isu yang sentiasa dibangkitkan tersebut dan seterusnya mengelakkan ianya terus berlaku.